

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa Kementerian yang terlibat dengan program TVET dan Kementerian mana yang merupakan Kementerian penyelaras.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis TVET Negara (MTVET) telah lulus penubuhannya pada 18 Disember 2020. Majlis ini berperanan sebagai badan tertinggi pembuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara serta berperanan menyelaras ekosistem TVET merentasi Kementerian, penyedia TVET awam dan swasta serta industri. Untuk makluman Tuan yang Di-Pertua, **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diberi mandat untuk menyelaras majlis ini** dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dipertanggungjawabkan untuk menjadi urus setia dalam pelaksanaan mesyuarat-mesyuarat antara kementerian.

Majlis ini menyelaras ekosistem TVET yang terdiri daripada 11 kementerian berkaitan TVET dan 1,295 institusi penyedia TVET seluruh negara yang menawarkan program TVET. Majlis ini telah meluluskan enam (6) insiatif utama iaitu:

- a) Merangka model pembiayaan mampan;
- b) Membangunkan polisi untuk menggalakkan penyertaan industri;
- c) Mewujudkan Pelan Penjenamaan TVET Nasional;
- d) Menubuhkan TVET Collaboration Hub;
- e) Mewujudkan polisi penyelarasan penawaran program TVET; dan
- f) Membangunkan One-Stop Data Centre.

Sekian, terima kasih.